

MALAYSIAN JOURNAL FOR ISLAMIC STUDIES **MJIS**

<https://journal.unisza.edu.my/mjis>

**PENERAPAN AKHLAK TERHADAP WARGA EMAS
MENURUT SURAH AL-MUKMINUN**

**[THE APPLICATION OF MORALS TO THE SENIOR CITIZEN
ACCORDING TO SURAH AL-MUKMINUN]**

SOFEA BALQIS TAIB¹ & MOHD ISA HAMZAH¹

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA

*Corresponding Author: isa_hamzah@gmail.com

Received Date: 10 November 2023 • Accepted Date: 18 December 2023

Abstrak

Golongan warga emas merupakan golongan yang perlu diberi penekanan berkaitan pendidikan akhlak memandangkan dunia sekarang tanpa sempadan menyebabkan generasi tua zaman kini menghadapi cabaran yang mencabar dan bukanlah mudah dan sedikit. Jenayah semakin berleluasa menyebabkan mudahnya pengaruh negatif datang mempengaruhi masyarakat sekarang. Warga emas adalah generasi veteran yang perlu diberikan pendedahan kepada ilmu agama berdasarkan sumber terpenting dalam Islam iaitu al-Quran dan al-Hadis. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti akan kepentingan akhlak dalam Islam dan mengenal pasti pendekatan pembentukan akhlak terhadap golongan warga emas dalam al-Quran. Tujuan kajian ini ialah mengkaji cara dan metode dalam membentuk akhlak warga emas berdasarkan surah al-Mukminun. Kajian ini berbentuk kualitatif dan dapatkan kajian menunjukkan bahawa akhlak dalam Islam adalah sangat penting dalam kehidupan muslim. Justeru, kajian ini dapat menjelaskan metode pendekatan pembentukan akhlak kepada kalangan warga emas. Implikasi yang dapat dihasilkan dalam kajian ini dapat memberi maklumat kepada masyarakat tentang kepentingan akhlak dan cara pembentukannya kepada muslim.

Keywords: penerapan, akhlak mahmudah, warga emas, surah al-Mukminun.

Abstract

The elderly are a group that needs to be emphasized in relation to moral education considering that today's world is without borders, causing the older generation to face challenges that are challenging and not easy or few. Crime is becoming more and more prevalent, making it easy for negative influences to come and affect society today. The senior citizen are a generation of

veterans who need to be exposed to religious knowledge based on the most important sources in Islam, namely the Quran and the Hadith. This study aims to identify the importance of morals in Islam and to identify the approach of moral formation towards the senior citizen in the Quran. The purpose of this study is to examine ways and methods in shaping the morals of the senior citizen based on surah al-Mukminun. This study is qualitative and the findings show that morality in Islam is very important in Muslim life. Thus, this study can explain the approach method of moral formation to the senior citizen. The implications that can be produced in this study can provide information to the community about the importance of morality and how it is formed for Muslims.

Kata Kunci: Application, Mahmudah character, Senior citizen, Surah al-Mukminun

Cite as: Sofea Balqis Taib & Mohd Isa Hamzah. 2023. Penerapan Akhlak Terhadap Warga Emas Menurut Surah Al-Mukminun [The Application of Morals to the Senior Citizen According to Surah Al-Mukminun]. *Malaysian Journal For Islamic Studies* 7(1): 89-99.

PENGENALAN

Akhlik adalah bahagian penting dalam keperibadian seseorang. Dari kajian yang dijalankan ke atas masyarakat manusia ternyata pembentukan akhlak dalam diri seseorang itu itu adalah satu perkara yang amat penting. Pembentukan jiwa seseorang insan memerlukan perancangan yang rapi dan pelaksanaan yang berterusan. Memang sukar untuk menjadi manusia yang baik, tetapi sebagai orang Islam, kita cuba sedaya upaya untuk berusaha memiliki kesempurnaan akhlak mengikut perkara yang telah digariskan dalam syariat Islam. Akhlak yang sebenar ialah akhlak yang bersumberkan agama yang benar yang diwariskan oleh para rasul dan nabi sepanjang zaman. Sebagai umat Rasulullah (SAW) kita perlu mengikut akhlak baginda sebagai contoh dan teladan dalam diri. Akhlak merupakan sifat yang ada dalam diri seseorang insan. Para ulama dan para cendekiawan Islam sejak dahulu sehingga kini memberi perhatian yang serius dalam proses dan kaedah pembentukan akhlak diri peribadi insan. Ajli cendekiawan Islam juga telah mengkaji kaedah pembentukan akhlak yang terdapat di dalam al-Quran mahupun al-Hadis.

Ghazali Darussalam (1997) mengatakan bahawa keistimewaan akhlak ialah *Assyummumul* (menyeluruh) iaitu akhlak Islam bersifat universal mencakupi semua bidang kehidupan. Islam merupakan al-Din dari Allah (SWT) dan ajarannya bertujuan memandu hidup manusia menuju kesejahteraan kehidupan di dunia dan akhirat. Akhlak manusia memperkatakan secara luas dan mendalam tentang kehidupan manusia semenjak lahir ke dunia. Oleh sebab akhlak adalah bersumberkan dari al-Quran dan al-Hadis, maka tujuan akhlak dalam Islam juga harus bersesuaian dengan kedua-duanya. Akhlak Islam adalah akhlak yang mengikut akhlak Rasulullah (SAW) sebagaimana dalam surah al-Qalam ayat ke-54 yang bermaksud “Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat mulia.” Pada era globalisasi ini, banyak masalah keruntuhan akhlak terutamanya tidak terkecuali dari kalangan warga emas. Warga emas perlu mengetahui jalan yang sepatutnya mereka lalui dan arah yang ingin di tuju agar mereka menjadi generasi yang cemerlang dan berjaya. Mereka perlu melalui proses pembentukan akhlak yang betul dengan berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah agar dapat

mendiami syurga Allah (SWT). Maka, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti cabaran warga emas dalam penerapan akhlak menurut al-Quran serta mengkaji apakah kaedah dan pendekatan pembentukan akhlak seseorang muslim terutamanya dalam kalangan warga emas yang terdapat dalam surah al-Mukminun.

PENYATAAN MASALAH

Warga emas merupakan golongan yang perlu diberi penekanan berkaitan pendidikan akhlak terutamanya pada era globalisasi yang berlaku di seluruh dunia. Hal ini menuntut kepada mereka melindungi diri sendiri dengan pengetahuan secara menyeluruh terutamanya ilmu agama. Dunia tanpa sempadan menyebabkan manusia zaman kini terutamanya golongan warga emas menghadapi cabaran yang bukanlah mudah dan sedikit. Oleh itu, penekanan kepada ilmu agama berdasarkan sumber utama dalam agama iaitu al-Quran dan al-Hadis yang perlu dititik beratkan demi kesejahteraan di dunia dan akhirat. Dunia masa kini telah menjadikan akhlak dalam diri seseorang muslim sebagai satu perkara yang perlu dititikberatkan. Persekutaran yang tidak baik dan masalah sosial yang berleluasa juga merupakan antara faktor kejatuhan akhlak pada zaman ini. Pengetahuan yang terlalu sedikit atau kurangnya pendedahan berkaitan ilmu agama yang mendalam menjadikan warga emas mudah terpengaruh dengan adegan-adegan barat dan kafir. Ibu bapa dan para pendidik perlu memberi pendedahan awal dengan didikan akhlak yang sempurna sejak dari kecil lagi agar ketika mereka sudah meningkat generasi tua, mereka terpelihara daripada sebarang unsur-unsur negatif.

Berdasarkan penyataan di atas, antara isu yang perlu diteliti bagi kajian ilmiah ini ialah isu pertama apakah takrifan yang diberikan oleh para ulama dan ilmuwan Islam tentang definisi akhlak mengikut ahli falsafah Islam. Isu kedua yang perlu diteliti ialah apakah cabaran warga emas dalam penerapan akhlak menurut al-Quran dan isi yang ketiga ialah apakah metode atau cara dalam penerapan akhlak terhadap warga emas berdasarkan surah al-Mukminun. Walaubagaimanapun, masih belum ada huraian yang mendalam tentang bagaimana kaedah menerapkan akhlak mahmudah kepada golongan warga emas berdasarkan al-Quran. Kajian yang terperinci perlu dijalankan untuk mengenal pasti hubungan antara golongan warga emas dan tahap penerapan akhlak berdasarkan surah al-Mukminun. Kajian ini diharapkan dapat memberi pemahaman yang lebih mendalam tentang kaedah dan cara penerapan akhlak warga emas yang terdapat dalam surah al-Mukminun bagi membudayakan sifat dan akhlak yang terpuji seperti Rasulullah (SWT).

KAJIAN LITERATUR

Mengenai kajian tentang akhlak dalam al-Quran atau berkaitan cara pembentukan akhlak, terdapat beberapa kajian, penulisan buku dan jurnal yang telah diterbitkan sebelum ini. Antara penulisan buku tersebut adalah seperti yang dilakukan oleh Yunahar Ilyas (1999) bertajuk ‘Kuliah Akhlaq’ yang merupakan hasil penulisan yang telah disusun secara sistematik mengikut ruang lingkup akhlak dalam Islam iaitu akhlak dengan Allah, akhlak dengan Nabi Muhammad (SAW), akhlak dengan diri sendiri, akhlak dengan keluarga, akhlak bermasyarakat serta akhlak terhadap negara. Bukan itu sahaja, dinyatakan juga dalam buku ini tentang ciri-ciri akhlak dan keistimewaan akhlak dalam Islam.

Ghazali Darusalam (1997) telah menulis dalam hasil karya beliau menerusi sebuah buku yang berjudul ‘Dinamika Ilmu Akhlak Islamiyah’. Menerusi penulisan ini, beliau menerangkan tentang takrif akhlak menurut perspektif Islam, pandangan para sarjana mengenai akhlak dalam Islam serta falsafah akhlak itu sendiri. Beliau juga menjelaskan mengenai faktor-faktor serta kaedah pembentukan akhlak dalam diri seseorang muslim. Selain itu, dalam penulisan ini, beliau menyatakan perbezaan moral dengan akhlak. Seterusnya, beliau menyatakan juga mengenai implikasi kejahatan dalam diri manusia menerusi sifat-sifat mazmumah seperti hasad dengki, khianat dan syirik kepada Allah (SWT). Di samping itu, beliau memberi cara-cara untuk mencapai dan mempertingkatkan akhlak yang baik serta cara-cara pembentukan akhlak ke arah mencapai kecemerlangan negara.

Mohd. Nasir Omar (2010) menyatakan dalam penulisannya mengenai definisi akhlak dan falsafah akhlak dalam Islam. Beliau juga menyatakan tentang sejarah perkembangan falsafah akhlak dalam Islam serta perkembangan falsafah etika barat yang telah wujud dan berkembang di kalangan Greek dan Kristian. Selain itu, beliau juga menyatakan mengenai teknik pendidikan akhlak dalam Islam menerusi tokoh ilmuwan Islam yang masyhur seperti Miskawayh dan Imam al-Ghazali. Beliau juga menyatakan pandangan para ulama dan ilmuwan Islam mengenai metodologi pendidikan akhlak dalam membentuk peribadi muslim.

Akhir sekali, Syarafuddin (2009) membahaskan mengenai “Tujuh ciri-ciri orang yang beriman dalam surah al-Mukminun pada ayat 1-11”. Beliau telah menerangkan tentang kebahagiaan dan kemenangan yang diraih secara khusus oleh orang-orang mukmin. Beliau juga menjelaskan bahawa ada pendapat ulama menyatakan surah ini juga dinamakan surah al-Falah. Dalam jurnal ini tertulis tentang tujuh sifat yang terkandung berdasarkan ayat 1-11 dalam surah al-Mukminun iaitu khusyuk dalam menunaikan solat, menjauhkan diri daripada sifat yang tidak berguna, menunaikan zakat, menjaga kemaluan dan tidak melakukan zina, memelihara amanah yang diserahkan dengan sebaiknya, serta memelihara solat lima waktu sehari semalam dengan baik. Beliau juga menerangkan tentang tujuh sifat-sifat tersebut dengan lebih terperinci.

DEFINISI AKHLAK DAN ISTILAH YANG BERKAITAN

Dalam bahasa Melayu, perkataan "akhlak" adalah serupa dengan perkataan Arab iaitu "*akhlaq*." Dalam Bahasa Melayu menggunakan perkataan ini berganding dengan perkataan yang lain seperti moral, susila, etika dan budi pekerti. Walaupun perkataan ini semuanya bermaksud perkara yang sama, terdapat perbezaan di antara mereka. Pernyataan di bawah telah menghuraikan maksud akhlak, moral, susila, etika dan budi pekerti dengan lebih terperinci.

Akhlag

Menurut Mohd Abbas (2017), perkataan akhlak merupakan perkataan yang indah yang berasal daripada Bahasa Arab. “*Khuluq*” yang merupakan kata dasar bagi “akhlak” dalam Bahasa Arab yang bermaksud perangai, budi pekerti, tingkah laku dan tabiat . Perkataan “*khuluq*” ada perkaitan perkataan “*khaliq*” yang bermaksud pencipta. Begitu juga perkataan “makhluk” bermaksud sesuatu yang diciptakan. Menurut Kamus Dewan (2010), bererti budi pekerti, kelakuan, atau kebiasaan. Satu lagi perkataan yang boleh digunakan untuk membawa maksud yang sama dengan akhlak ialah adab, yang bermaksud kelakuan, tabiat, budi pekerti, perbuatan,

sikap dan banyak lagi. Jadi, pada asasnya, moral ialah tentang cara kita berkelakuan dan bertindak, dan ia berkaitan dengan idea bahawa tingkah laku kita mencerminkan tingkah laku pencipta kita. Justeru, perkataan “*akhlik*” dan “*khuluq*” merupakan berasal daripada Bahasa Arab ini mempunyai asal kata kerja yang serupa dan mempunyai istilah-istilah yang erat.

Moral

Perkataan moral berasal daripada perkataan Latin, moralis yang bererti "adat, adab." Menurut Kamus Dewan (2010), perkataan “*mores*” merupakan perkataan Bahasa Melayu yang bermaksud kebiasaan dan adat resam yang penting bagi sesuatu kelompok manusia. Moral juga bermaksud ajaran atau kepercayaan tentang apa yang baik atau buruk, dan ia berkaitan dengan apa yang betul dan adil. Ia juga boleh bermakna mempunyai keberanian untuk mempertahankan perkara yang benar (Kamus Dewan 2010).

Etika

Menurut Kamus Dewan (2010), maksud etika ialah ilmu berkaitan dengan prinsip akhlak dan moral. Definisi yang lain juga adalah membantu kita memikirkan cara membuat pilihan yang baik. Selain itu, etika bermakna mempunyai nilai yang baik dan berkelakuan dengan cara yang baik. Yunani merupakan Bahasa asal bagi perkataan etika yang mempunyai maksud iaitu tingkah laku yang merupakan suatu kajian yang sistematik berhubung dengan konsep nilai, iaitu baik, buruk, benar, harus dan sebagainya

Susila

Definisi perkataan susila ialah “baik budi bahasanya, beradab, sopan dan tertib.” Bahasa Sanskrit merupakan asal bagi perkataan susila.

Budi Pekerti

Berdasarkan Kamus Dewan, perkataan “*budi*” bermaksud “bijak, baik hati, dan melakukan perkara yang baik, daya upaya dan berbicara.” Adab adalah tentang bagaimana kita berkelakuan dan perlakuan kita kepada orang lain. Moral dan etika adalah perkara yang serupa dan sering digunakan untuk bercakap tentang tingkah laku dan kebiasaan seseorang. Oleh itu, kedua-duanya mempunyai perbezaan dalam penggunaan bahasa.

DEFINISI AKHLAK MENURUT CENDIKIAWAN ISLAM

Menurut Mohd. Nasir Omar (2010) dalam bukunya yang berjudul Akhlak dan Kaunseling Islam menurut Imam al-Ghazali mengatakan bahawa takrif akhlak adalah suatu perkara yang mantap dalam jiwa manusia darinya segala perbuatan berhasil dengan senang tanpa melibatkan daya pemikiran. Sekiranya perkara tersebut menghasilkan perbuatan yang mulia, iaitu perbuatan terpuji menurut pertimbangan akal dan syariat, maka perkara tersebut dinamakan akhlak yang

baik. Tetapi jika di sebaliknya ia menghasilkan perbuatan buruk dan dikeji oleh syariat Islam maka perkara kejiwaan tersebut dinamakan akhlak yang buruk.

Menurut Yunahar Ilyas (1999) beliau memetik daripada Ibrahim Anas yang merupakan ahli cendekiawan Islam menjelaskan bahawa akhlak adalah sifat yang tertanam dalam jiwa, ia lahir bermacam-macam perbuatan baik atau buruk tanpa membutuhkan pemikiran dan pertimbangan. Selain itu, akhlak adalah sifat dan nilai yang tertanam dalam jiwa, yang dengan sorotan dan timbangnya seseorang dapat menilai perbuatannya baik atau buruk, untuk memilih melakukan atau meninggalkannya. Menurut Nasir Omar (2010), beliau menjelaskan daripada Ibn Miskawayh, tokoh moralis Islam yang tersohor dan unik, maksud akhlak merujuk kepada suatu situasi yang terbentuk dalam diri seseorang insan dan ia berfungsi sebagai kuasa eksekutif yang mengarah orang tersebut melakukan semua tingkah lakunya.

PERANAN AKHLAK DALAM KEHIDUPAN WARGA EMAS

Pembentukan akhlak melibatkan pembentukan atas pembinaan minda dan sahsiah individu dengan membentuk budi pekerti yang luhur sesuai dengan fitrah asal kejadian manusia. Pembentukan akhlak hendaklah diajar sejak anak-anak di peringkat kecil sehingga anak-anak itu membesar ke peringkat dewasa mahupun telah tua akhlak perlu didik dan diterapkan dalam kehidupan. Jatuh bangunnya sesuatu bangsa atau umat adalah berdasarkan kepada darjah akhlak masyarakatnya, maka pembentukan akhlak amat penting dididik kepada anak-anak sejak kecil kerana mereka merupakan pewaris umat kemudian bakal menjadi pemimpin yang akan menghidupkan masa depan negara yang berlandaskan dengan syariat Islam. Menurut Mutawalli Sya'rawi (2012), pembentukan akhlak wajib untuk diajar supaya individu hidup dengan mempunyai rasa kemanusiaan yang mulia sebagai seorang individu yang bertaqwa. Justeru, tanpa akhlak yang baik manusia khususnya golongan warga emas akan kehilangan martabat sebagai insan yang mulia, dan kehidupannya akan jauh dari nilai kemanusiaan yang disyariatkan oleh agama Islam.

CABARAN WARGA EMAS MUSLIM

Faktor dalaman manusia

Keruntuhan akhlak boleh terjadi disebabkan akhlak manusia itu sendiri. Menurut Mohammad Muslihuddin (2014) menyatakan bahawa antara sifat-sifat negatif itu ialah *al-Huzn* (dukacita), *Al-Ajz* (lemah jiwa) dan *al-Khawf* (takut).

Pengaruh Sekeliling

Pengaruh sekeliling termasuklah rakan, sahabat dan jiran tetangga mempunyai faktor yang kuat terhadap pembentukan akhlak insan. Pergaulan dengan seseorang yang berbudi pekerti dan berakhlak mulia akan menjadikan jiwa seseorang itu cenderung untuk melakukan kebaikan. Manakala jika seseorang bergaul dengan seseorang yang berakhlak buruk akan mendatangkan kesan yang buruk kepada kehidupan. (Mohammad Muslihuddin, 2014)

Pengaruh Fahaman Yang Bertentangan

Menurut Mohammad Muslihuddin (2014), terdapat banyak fahaman-fahaman yang berlaku pada zaman sekarang ini, antaranya ialah Pluralisme, Sekularisme, dan Liberalisme serta Islam Liberal. Kesemua fahaman ini sangat membahayakan aqidah orang Islam yang beraliran Ahli Sunnah Waljama'ah dan ia boleh menghancurkan perpaduan umat Islam. Oleh itu, antara langkah awal sebelum fahaman-fahaman seperti ini merebak dan menular, pihak-pihak berkuasa dan pentadbir negara perlu sentiasa berwaspada dan peka akan setiap gerak-geri dan percubaan membawa masuk fahaman terpesong tersebut untuk merosakkan aqidah umat Islam. Strategi yang berkesan perlu disusun rapi bagi menghalang fahaman tersebut daripada tersebar kerana penyebaran fahaman terpesong ini tanpa sedar berlaku dengan secara halus dan pantas melalui majalah, buku-buku, media massa dan sebagainya.

Faktor Era Globasisasi

Dunia banyak berubah kerana orang ramai boleh berkomunikasi antara satu sama lain dengan lebih mudah. Ini bermakna kita boleh mempelajari sesuatu tanpa orang lain memutuskan perkara yang patut kita ketahui. Hal ini juga boleh menjadi masalah kerana ia boleh membuat kita lupa tentang agama dan budaya kita sendiri. Beberapa perkara yang kita lihat di dalam televisyen atau internet boleh membuatkan kita berfikir tidak mengapa untuk melakukan perkara yang tidak betul, seperti mencuri, berzina atau menipu seseorang. (Mohammad Muslihuddin, 2014)

AKHLAK MENURUT SURAH AL-MUKMINUN

Kandungan Surah Al-Mukminun

Antara kisah atau cerita yang dibicarakan dalam surah al-Mukminun ialah tentang perihal manusia dan hal-hal agama seperti tentang kewujudan Allah (SWT) dan kewujudan nabi Muhammad (SAW). Surah ini bermula dengan memuji dan menyanjung sifat-sifat orang mukmin. Selain itu, surah ini ada membincangkan tentang proses penciptaan manusia melalui beberapa frasa, penciptaan langit yang indah dan megah, penurunan air dari langit untuk menanam tumbuh-tumbuhan. Selain itu, surah ini menceritakan tentang kisah beberapa nabi dan rasul seperti Nabi Isa (AS) dan ibunya Maryam boleh dijadikan contoh dan pedoman dalam kehidupan kita. Seterusnya ada juga kisah mengenai layanan kaum musyrikin terhadap nabi Muhammad (SAW) dengan pelbagai gangguan seperti kutukan, penghinaan, dan ancaman terhadap baginda. Mereka merupakan orang yang sompong dan tidak mahu menerima kebenaran daripada Rasulullah (SAW). Surah ini juga menerangkan tentang balasan kepada orang-orang musyrik tentang hukuman dan azab yang akan menimpa mereka pada hari akhirat. Kemudian ada pula ayat yang menghuraikan konsep dan cara dakwah Allah (SWT) untuk Rasulullah (SAW), serta memberikan kepada baginda cara bertakwa kepada Allah (SWT) dan berlindung dari bisikan syaitan. Akhir sekali, pada bahagian penutup surah al-Mukminun ini telah menceritakan tentang gambaran dan situasi hisab yang mengerikan pada hari akhirat kelak.

Penerapan Akhlak terhadap Warga Emas menurut Surah al-Mukminun

Surah al-Mukminun adalah surah yang banyak terdapatnya kisah-kisah yang boleh kita ambil dijadikan sebagai teladan. Menurut Wahbah Az-Zuhaili (2005), ayat 1-11 menceritakan tentang sifat-sifat orang mukmin. Al-Muflihun dalam ayat ini ialah orang-orang yang berjaya. Kejayaan yang dimaksudkan ialah orang yang mendiami syurga Alah (SWT). Pada ayat 1-11 surah al-Mukminun, terdapat ciri-ciri orang beriman yang patut diambil perhatian oleh setiap individu muslim termasuklah golongan warga emas. Antara ciri-cirinya ialah:

1. Khusyuk Dalam Solat

Dalam pelaksanaan ibadah solat, khusyuk sangat diperlukan. Ia diibaratkan seperti roh bagi tubuh badan manusia. Berdasarkan ayat 2 surah al-Mukminun, ayat ini mengenai khusyuk dalam solat. Bagi mendapatkan kejayaan seperti mana yang telah digariskan oleh Allah (SWT), seorang mukmin mestilah melaksanakan solat dengan khusyuk. Jika diperhatikan dalam aspek-aspek kehidupan selain daripada solat seperti bekerja, menuntut ilmu dan sebagainya, segala sesuatu yang kita mahu lakukan mestilah dilakukan dengan fokus, tekun dan bersungguh-sungguh. Hal ini merupakan ciri-ciri orang beriman yang ditunjukkan dalam khusyuk solat. Menunaikan solat lima waktu sehari semalam merupakan tiang agama yang dapat diumpamakan sebagai kunci kebahagiaan syurga kepada orang beriman. Dengan solat, jiwa orang mukmin akan menjadi tenteram dan tenang, lantas mereka berjaya mengharungi segala rintangan dan ujian dengan tabah dan bertawakal sebulatnya kepada Allah (SWT). (Mohd Nasir Masroom 2013)

2. Menjauhkan Diri Dari Perkara Sia-Sia

Berdasarkan ayat 4 surah al-Mukminun, ciri-ciri orang beriman ialah manusia yang menjauhkan diri daripada melakukan perkara yang sia-sia. Menurut Mohd Yunus dan Mohd Rahim Ariffin (2009), orang-orang yang beriman mestilah tidak melibatkan diri dengan perkara yang sia-sia, dilarang melakukannya dan tidak bersubahat dengan manusia yang melakukannya. Orang mukmin mestilah menjaga dan membenteng diri sendiri dengan tidak melibatkan diri dengan sesuatu daripada perbuatan yang dibenci oleh Allah (SWT). Apabila seseorang manusia melakukan perkara yang tidak memberi manfaat dia akan mengecilkan lagi peluang memperolehi kejayaan hakiki iaitu syurgawi.

3. Menunaikan Zakat

Menunaikan zakat adalah salah satu ibadah dalam Islam dan merupakan Rukun Islam yang kelima. Tanggungjawab dan amanah membayar zakat adalah sebahagian daripada ibadah dalam menyempurnakan kehidupan setiap orang mukmin. Berdasarkan ayat 5 surah al-Mukminun orang yang menunaikan zakat merupakan ciri-ciri orang mukmin yang berjaya. Menurut Mutawalli Sya'rawi (2012), Islam menganggap seluruh umatnya bagaikan satu keluarga besar, orang-orang kaya yang ada di dalamnya bertanggungjawab terhadap orang-orang miskin. Menunaikan zakat akan melahiran sikap toleransi sosial di antara sesama masyarakat,

menghilangkan rasa sompong dan ego, boleh memperkecil ruang kemaksiatan dan pada akhirnya terbentuklah rasa saling menyayangi dan mengasihi terhadap orang mukmin. Zakat merupakan simbol dan lambing penyatu rasa empati dan simpati, dan merupakan penyatu kaum muslimin, kerana dengan zakat kaum muslimin boleh saling tolong-menolong satu dengan yang lainnya, dan mereka mencintai kebaikan terhadap sesama mereka, sehingga hilanglah rasa dengki, dan permusuhan.

4. Menjaga Kehormatan diri dan tidak berzina

Berdasarkan ayat 5 surah al-Mukminun Allah (SWT) menerangkan orang yang menjaga kehormatan dirinya adalah antara orang-orang yang beriman. Pesanan Rasulullah (SAW) ini kepada orang mukmin agar menjaga kehormatan kemaluan mereka dengan berkahwin. Tanpa penjagaan yang betul mereka akan mudah terjebak dengan dosa tersebut dan mengundang kepada kemurkaan Allah (SWT). (Kamarul Azmi 2017) Selain itu, al-Quran ada menceritakan dalam surah Yusuf berkenaan warga emas bernama Yusuf yang sangat menjaga kehormatannya daripada ajakan zina. Cerita ini menjadi pedoman kepada semua golongan warga emas bahawa ciri asas penjagaan maruah ialah penjagaan batasan syahwat supaya tidak terkeluar daripada landasan syariat. Tercemar diri dengan zina menyebabkan hilangnya kehormatan diri, terpeliharanya diri daripada zina melambangkan ketinggian kehormatan mereka. Ringkasnya, bahawa penjagaan diri daripada zina merupakan salah satu batasan bagi menggambarkan seseorang warga emas itu sudah rosak akhlaknya atau tidak, sebelum melihat kepada perkara yang lain. (Kamarul Azmi 2017)

5. Menjaga Amanah Dan Janji

Amanah merupakan perkara yang penting dalam diri seorang muslim. Sifat ini akan memandu manusia dalam amalan sehari-hari. Ia juga sifat yang akan menentukan baik buruk akhlak seseorang dalam urusan sehari-hari. Sebagaimana Allah (SWT) telah berfirman dalam surah al-Mukminun ayat 8 iaitu menjaga amanah yang merupakan ciri-ciri orang mukmin yang berjaya. Islam menuntut umatnya berpegang dengan sifat amanah sehingga ia disebut dalam ayat al-Quran dan juga hadis daripada Rasulullah (SAW). Menurut Andi Mohamad (2015), amanah ialah tanggungjawab yang diterima oleh seseorang yang kepadanya diberikan kepercayaan bahawa ia dapat melaksanakannya sebagaimana yang dituntut, tanpa mengabaikannya. Apabila tanggungjawab itu ditunaikan dan kepercayaan yang diberikan itu dihargai, maka orang yang menerima dan melaksanakannya mendapati dirinya aman, tenteram, harmoni dan selamat.

6. Memelihara Solat

Menurut Khairul Azhar (2017), memelihara solat bermakna memastikan mematuhi semua rukun dan syarat solat itu sendiri. Ini menunjukkan bahawa seseorang itu benar-benar memahami mengapa kita melakukan hukum dan hikmah seluruh syarat dan rukun solat serta mendalami sunat-sunatnya. Apabila kita benar-benar memahami dan mengambil perkara memelihara solat ini dengan serius, bermakna dia telah memelihara solat dengan minda dan roh. Dengan mujahadah dan kesungguhan pula, sempurnalah solat itu kerana telah dilaksanakan

dengan istiqamah. Ia juga penting untuk berdoa pada waktu yang betul kerana Allah (SWT) menyukainya apabila kita melakukannya.

KESAN AKHLAK MULIA KEPADA WARGA EMAS

Akhhlak yang mulia akan memberikan kebahagiaan dan ketenangan dalam hati orang-orang mukmin dalam kehidupan mereka. Akhlak mulia dalam memainkan peranan penting dalam membentuk kehidupan ini. Menurut Mohammad Muslihuddin (2014) mengatakan bahawa penerapan nilai-nilai akhlak banyak memberi kesan yang besar kepada kehidupan warga emas antaranya ialah warga emas itu akan bersikap terbuka, tidak jumud dan mempunyai pemikiran yang negatif. Perkara ini akan menjadikan seseorang warga emas yang memiliki sifat amanah dan berdisiplin. Hal ini kerana jika nilai-nilai Islam telah diterapkan dengan jiwa seseorang hamba, maka apa-apa perbuatannya akan berlandaskan kepada ketakwaan kepada Allah (SWT).

Nilai-nilai akhlak dalam Islam akan melahirkan warga emas yang memiliki maruah harga diri yang tinggi sekaligus dapat membina jati diri yang mempunyai tahap kesabaran dan keazaman untuk sentiasa menjadi hamba Allah (SWT) yang terbaik. Apabila melakukan perkara yang berlandaskan syariat Islam, maka manusia itu pasti akan mendapat jalan dan hidayah daripada Allah (SWT). (Mohd. Nasir Omar, 2010) Pegangan konsep akhlak dalam Islam akan menjadikan manusia itu orang yang beriman, berani dan berdiri tegak dalam kebenaran. Hal ini akan melahirkan individu warga emas yang mengamalkan akhlak terpuji, menjalankan amanah dalam tanggungjawab, bersungguh-sungguh serta cekap dalam menjalankan tugas. Justeru, dengan nilai-nilai tersebut, sudah tentunya golongan warga emas akan memiliki keimanan dan ketakwaan yang teguh.

KESIMPULAN

Akhhlak yang terdapat dalam Islam ialah akhlak yang membina masyarakat yang beriman dan taat kepada Allah (SWT). Akhlak dan budi pekerti yang baik akan mengangkat manusia ke darjah yang tinggi dan mulia. Akhlak yang buruk dan hina akan menjatuhkan darjah seseorang manusia serta membinasakan umat manusia. Manusia yang mempunyai akhlak yang buruk akan merugikan diri mereka sendiri serta akan menyusahkan masyarakat yang lain. Manusia yang tidak mempunyai akhlak akan melakukan apa sahaja untuk kepentingan dirinya. Akhlak dan budi yang baik akan mencerminkan sifat peribadi seseorang insan dan manusia yang berakhlak mulia dan berbudi pekerti, menjaga kemuliaan dan kesucian jiwanya dapat mengalahkan tekanan dan bisikan hawa nafsu daripada musuh manusia yang nyata iaitu syaitan serta dapat menjauhkan diri daripada kemungkar dan larangan yang ditegah oleh Allah (SWT).

Secara tuntasnya, dapat dilihat di sini berdasarkan ayat 1 hingga surah al-Mukminun tentang ciri-ciri orang beriman dan mereka akan memperoleh kejayaan yang hakiki iaitu surga al-Firdaus. Antara tujuh ciri orang beriman dalam surah al-Mukminun ialah sifat khusyuk dalam solat, menjauhkan diri daripada sifat yang tidak berguna, menunaikan zakat, menjaga kemaluan dan tidak melakukan zina, memelihara amanah yang diserahkan dengan sebaiknya, serta memelihara solat lima waktu sehari semalam dengan baik. Ciri-ciri ini boleh dijadikan

garis panduan bagi seorang mukmin untuk menjadi hamba Allah (SWT) yang terbaik. Sebagai seorang muslim mestilah berusaha untuk mendapatkan hasil kejayaan syurgawi yang telah dijanjikan oleh Allah (SWT) dengan melakukan ketaatan kepada suruhan Allah (SWT) dan meninggalkan perkara yang dibenci oleh Allah (SWT).

RUJUKAN

- Andi Mohammad, 2015. *Konsep Amanah Dalam Pengurusan Islam Dari Sudut Maqasid Syariah*, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi.
- al-Ghazali. (1978). *Ihya' 'ulum al-Din*. 4 vols. Cairo: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabi.
- Ghazali Darusalam 1997, *Dinimika Ilmu khlik Islamiyah*, Lohprint Sdn. Bhd, Selangor.
- Hamka (1983). *Tasauf Moderen*. Jakarta: Panjimas.
- Ibn Miskawaih (1994). *Menuju Kesempurnaan Akhlak: Buku Daras Pertama tentang Filsafat Etika*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Kamarul Azmi Jasmi, 2017. *Warga emas dan Kehidupan Berbatasan dalam Beragama*, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia Johor.
- Kamus Dewan, 2010. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairul Azhar Meerangani, 2017. *Potensi Zakat dalam Pembangunan Umat Islam di Malaysia*, Kolej Universiti Islam Melaka, Melaka.
- Mohammad Muslihuddin Syah Mustafa, 2014. *Penerapan Nilai Akhlak dalam Menjana Pembangunan Belia*, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Brunei.
- Mohd Abbas. 2017. *Peranan Akhlak dalam kehidupan*. Kolej Islam Melaka. Melaka.
- Mohd Nasir Masroom. 2013. *Peranan Ibadah Terhadap Kesihatan Jiwa*. Johor Universiti Teknologi Malaysia..
- Mohd Yunus & Mohd Rahim Ariffin. 2009. Ciri-ciri Motivasi dalam Surah al-Mukminun Ayat 1-11, *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*.
- Mohd. Nasir Omar. 2010. *Falsafah Akhlak*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mutawalli Sya'rawi. 2012. *Ensklopedia Zakat*, Perniagaan Jahabesa, Johor Bahru.
- Syarafuddin HZ. 2009. *Tujuh Karakter Orang Mukmin Dalam Surah Al-Mukminun Ayat 1- 11*.
- Yunahar Ilyas. 1999. *Kuliah Akhlaq*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar Offset.
- Zaroug, Abdullahi Hassan. (1999). "Ethics from an Islamic Perspective: Basic Issues." *The American Journal of Islamic Social Sciences*
- al-Zuhaili, Wahbah. 2005. *Tafsir al-Munir Jilid ke-9*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd.